Utusan Borneo: 07 November 2026

Merokok ketika masih di bawah umur, remaja kena khidmat masyarakat 60 jam

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini kelmarin memerintahkan seorang remaja lelaki berusia 16 tahun yang dikategorikan sebagai Orang Belum Dewasa (OBD) untuk menjalani khidmat masyarakat selama 60 jam selepas mengaku bersalah merokok ketika masih di bawah umur.

Remaja yang masih bersekolah itu terdahulu didakwa mengikut Seksyen 17(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Seksyen berkenaan melarang OBD ataupun individu berusia bawah 18 tahun daripada merokok, mengunyah atau menggunakan apa-apa produk tembakau serta merokok apa-apa produk pengganti tembakau.

Majistret Leona Dominic Mojiliu memerintahkan khidmat masyarakat itu untuk dilaksanakan dalam tempoh enam bulan mengikut Seksyen 17(2) Akta 852 dan Seksyen 91(1)(da) Akta Kanak-Kanak 2001.

Beliau turut memerintahkan OBD menjalani bon berkelakuan baik selama setahun dengan ibunya sebagai penjamin serta diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sepanjang tempoh bon itu, ibu atau bapa remaja berkenaan juga dikehendaki berhubung dengan pihak sekolah sekurang-kurangnya sekali setiap bulan.

Dalam hujahan lisan di hadapan mahkamah, Pegawai Pendakwa Unit Inspektorat dan Perundangan, Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching Mohd Fairos Ibrahim menegaskan kesalahan membabitkan golongan bawah umur tidak boleh dipandang ringan kerana boleh menjejaskan kesihatan dan masa depan generasi muda.

Fairos turut memaklumkan peluang untuk menyelesaikan kes di peringkat Pejabat Kesihatan telah diberikan menerusi tawaran kompaun yang perlu dijelaskan dalam tempoh sebulan dari tarikh notis dikeluarkan.

Sekiranya kompaun dijelaskan dalam tempoh berkenaan, kes boleh diselesaikan di peringkat Pejabat Kesihatan tanpa perlu dibawa ke mahkamah.

Bagaimanapun, kegagalan menjelaskan kompaun menyebabkan tindakan pendakwaan diteruskan sehingga kes didaftarkan di mahkamah.

Jelas beliau lagi, selain penguatkuasaan, pelbagai usaha pendidikan dan kesedaran turut dilaksanakan, khususnya di sekolah menerusi ceramah, pameran kesihatan, edaran risalah, kuiz serta program pendidikan kesihatan melalui Kelab Doktor Muda di sekolah rendah dan menengah.

Penguatkuasaan juga katanya, dilaksanakan secara rutin dan berterusan di pelbagai lokasi bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan Akta 852.

Fairos turut menekankan pendidikan dan penguatkuasaan perlu bergerak seiring, selain mengambil kira faktor usia serta kepentingan bimbingan dan pemulihan bagi golongan bawah umur.